FYP FTKW

# APLIKASI PENGGUNAAN MOTIF FAUNA DALAM REKAAN CORAK PADA KAFTAN MENGGUNAKAN KAEDAH BATIK CANTING DI KELANTAN

NURSHAZLIN BINTI ANUAR

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF
DENGAN KEPUJIAN

2021

# APLIKASI PENGGUNAAN MOTIF FAUNA DALAM REKAAN CORAK PADA KAFTAN MENGGUNAKAN KAEDAH BATIK CANTING DI KELANTAN

**Oleh**

**NURSHAZLIN BINTI ANUAR**

Penghantaran Tesis ini adalah untuk memenuhi keperluan bagi mendapatkan

**Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian**

(Tekstil dan Fesyen)

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**
**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

FYP FTKW

## PERAKUAN

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini telah dijalankan dengan peraturan Universiti Malaysia Kelantan. Laporan ini adalah asal dan hasil kerja saya sendiri, melainkan menunjukkan atau pengakuan kerja sebagai dirujuk bukan akademik bagi apa-apa kelayakan lain.

| | | |
|---|---|---|
| ☐ | **AKSES TERBUKA** | Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat sedia sebagai salinan keras atau tidak dapat dilihat dengan akses terbuka (lihat penuh) |
| ☐ | **SULIT** | (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972) |
| ☐ | **TERHAD** | (Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan) |

Saya mengaku bahawa pihak Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah harta Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan Oleh:

| | |
|---|---|
| Tandatangan | Tandatangan Penyelia |
| Nama: NURSHAZLIN BINTI ANUAR | Nama: DR. HANISA BINTI HASSAN |
| Tarikh: 2 JULAI 2021 | Tarikh: |

Nota*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

FYP FTKW

FYP FTKW

# PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Bersyukur ke hadrat Ilahi yang telah mengurniakan rahmat-Nya sehingga saya mampu menyempurnakan projek penyelidikan ini dengan jayanya. Terlebih dahulu saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia projek penyelidikan iaitu Dr.Hanisa binti Hassan di atas segala bimbingan, teguran dan nasihat yang diberikan sepanjang menyempurnakan tugasan ini. Tidak dilupakan kepada En Nik Faiz iaitu pengurus Gahara Galore Sdn.Bhd. yang turut membantu dari segi pemberian idea dan penyediaan tempat bagi menyiapkan projek ini.

Ribuan terima kasih juga kepada ibu saya, Rohani binti A.rahman dan bapa saya Anuar bin Safie serta keluarga yang banyak membantu dari segi kewangan serta memberi sokongan dan dorongan dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan buat rakan-rakan rapat yang banyak memberi dorongan sama ada kewangan atau sokongan moral. Tidak lupa juga terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung kerana mereka semua, saya dapat menyiapkan penyelidikan ini tepat pada masa dengan jayanya.

Sekali lagi saya memanjat doa kesyukuran ke hadrat Ilahi agar segala penat lelah yang diusahakan ini diberkati oleh Allah S.W.T di dunia dan akhirat. Terima kasih.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| **KANDUNGAN** | **HALAMAN** |
|---|---|
| **PERAKUAN** | i |
| **PENGHARGAAN** | ii |
| **SENARAI KANDUNGAN** | iii-vi |
| **SENARAI JADUAL** | vii-viii |
| **SENARAI RAJAH** | ix-xi |
| **ABSTRAK** | xii |
| **ABSTRACT** | xiii |
| **BAB 1: PENGENALAN** | |
| 1.0 Pengenalan | 1 – 2 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | 3 – 5 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | 5 – 6 |
| 1.3 Persoalan Kajian | 6 – 8 |
| 1.4 Istilah Dalam Penyelidikan | 6 - 8 |
| 1.5 Objektif Kajian | 8 |
| 1.6 Manfaat Kajian | 9 |
| 1.7 Susunan Kajian | 10 |



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**BAB 2 : KAJIAN LITERATUR**


2.0 Pandangan Islam Terhadap Motif 11

2.1 Motif Fauna Yang Ingin Diketengahkan 11 – 12

2.2 Kaftan Digemari Di Malaysia 13 – 14

2.3 Pakaian Yang Digemari Masyarakat Malaysia Serta Rekacorak Atau Warnanya 14 – 15

2.4 Motif Tradisional Yang Diangkat Menjadi Kajian Moden 15

2.5 Perbandingan Kajian 16– 20


FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**


3.0 Reka Bentuk Kajian 21

3.1 Batasan Kajian

3.1.1 Batasan Objek Kajian 22

3.1.2 Batasan Lokasi 22–23

3.1.3 Batasan Waktu 23–24

3.1.4 Batasan Umur 24

3.2 Kaedah Mendapatakan Data

3.2.1 Data Soal Selidik 25

3.2.2 Data Pemerhatian 26

3.2.3 Data Temubual 26

3.2.4 Data Internet 26–27

3.2.5 Data Perpustakaan 27

3.3 Rumusan Kajian 28


FYP FTKW

**BAB 4 : MENGANALISIS DATA**

| | |
|---|---|
| 4.0 Proses Perkembangan Idea | 29 |
| 4.1 Subjek Kajian | 29 |
| 4.1.1 Proses Melakar Subjek Kajian | 30 – 35 |
| 4.2 Proses Pembuatan Pola Baju | 36 |
| 4.3 Pembuatan Toile | 37 |
| 4.4 Pembuatan Batik | 38 – 44 |
| 4.5 Pembuatan Produk Akhir | 45 |
| 4.6 Pembuatan Kos | 46 - 48 |
| 4.7 Photoshoot Produk Akhir | 49 - 52 |

**BAB 5 : ANALISIS DATA DAN HASIL KAJIAN**

| | |
|---|---|
| 5.0 Pengenalan | 53 |
| 5.1 Analisis Maklumat Responden 53-58 | 53– 58 |
| 5.2 Analisis Mengenai Penggunaan Motif Fauna Pada Pakaian | 58- 65 |
| 5.3 Rekaan Kaftan Yang Menggunakan Kaedah Batik Canting | 65-81 |
| 5.4 Tiga Rekaan kaftan 81-83 | 81-83 |
| 5.5 Rancangan jualan | 83-84 |
| 5.6 Kesimpulan | 84-85 |

**RUJUKAN**

**LAMPIRAN**

FYP FTKW

## SENARAI JADUAL


| | HALAMAN |
|---|---|
| 1.7 : Susunan Kajian | 9 |
| 2.5 : Analisis Kajian Terdahulu | 16 |
| 3.2.1 : Contoh Soalan Soal Selidik Secara Tertutup | 24 |
| 3.3 : Kerangka Proses Kajian | 27 |
| 5.0 : Maklumat Responden | 52 |
| 5.2.1 : Soalan 1 | 56 |
| 5.2.2 : Soalan 2 | 57-58 |
| 5.2.3 : Soalan 3 | 59 |
| 5.2.4 : Soalan 4 | 60 |
| 5.2.5 : Soalan 5 | 61 |
| 5.2.6 : Soalan 6 | 62-63 |
| 5.3.1 : Soalan 1 | 64 |
| 5.3.2 : Soalan 2 | 65-66 |
| 5.3.3 : Soalan 3 | 67 |
| 5.3.4 : Soalan 4 | 68 |
| 5.3.5 : Soalan 5 | 69-70 |
| 5.3.6 : Soalan 6 | 71 |
| 5.3.7 : Soalan 7 | 72 |


FYP FTKW

| | |
|---|---|
| 5.3.8 : Soalan 8 | 73-74 |
| 5.3.9 : Soalan 9 | 75 |
| 5.3.10 : Soalan 10 | 76-77 |
| 5.3.11 : Soalan 11 | 78 |
| 5.4.1 : Soalan 1 | 79 |


FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## SENARAI RAJAH


| | HALAMAN |
|---|---|
| 2.1 : Fauna Yag Ingin Diketengahkan Pengkaji | 10 |
| 4.1 : Subjek Kajian Pepatung | 28 |
| 4.1.1 (i) : Lukisan Gambar Pepatung | 29 |
| 4.1.1 (ii) : Lakaran Proses Menggayakan Pepatung | 29 |
| 4.1.1 (iii) : Lakaran Rekaan Pakaian | 30 |
| 4.1.1 (iv) : Lakaran Proses Meletakkan Motif Pada Pakaian | 31 |
| 4.1.1 (v) : Lakaran Akhir | 32 |
| 4.1.1 (vi) : Lakaran Yang Dipilih | 33 |
| 4.2 : Proses Pembuatan Pola | 34 |
| 4.3 : Pembuatan Toile | 35 |
| 4.4 (i) : Proses Melakar Corak Pada Kain | 36 |
| 4.4 (ii) : Proses Mencanting | 37 |
| 4.4 (iii) : Proses Mewarna | 38-39 |
| 4.4 (iv) : Proses Mematikan Warna | 40 |
| 4.4 (v) : Proses Merebus Batik | 41 |
| 4.4 (vi) : Proses Mencuci Batik | 41 |
| 4.4 (vii) : Proses Menjemur Batik | 42 |
| 4.5 (i) : Proses Memotong Kain | 43 |
| 4.5 (ii) : Proses Menjahit | 43 |


FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| | |
|---|---|
| 4.6.1 : Kos Rekaan 1 | 44 |
| 4.6.2 : Kos Rekaan 2 | 45 |
| 4.6.3 : Kos Rekaan 3 | 46 |
| 4.7 (i) : Dress Bersama Cape Ala Kaftan | 47-48 |
| 4.7 (ii) : Kaftan Labuh | 49 |
| 4.7 (iii) : Kaftan Top Bersama Pario | 50 |
| 5.1.1 : Graf Peratusan Umur | 53 |
| 5.1.2 : Graf Peratusan Pekerjaan | 53 |
| 5.1.3 : Graf Peratusan Status | 54 |
| 5.1.4 : Graf Peratusan Bangsa | 55 |
| 5.1.5 : Graf Peratusan Tahap Pendapatan | 55 |
| 5.2.1 : Carta Peratusan Soalan 1 | 57 |
| 5.2.2 : Carta Peratusan Soalan 2 | 58 |
| 5.2.3 : Carta Peratusan Soalan 3 | 59 |
| 5.2.4 : Carta Peratusan Soalan 4 | 60 |
| 5.2.5 : Carta Peratusan Soalan 5 | 62 |
| 5.2.6 : Carta Peratusan Soalan 6 | 63 |
| 5.3.1 : Carta Peratusan Soalan 1 | 65 |
| 5.3.2 : Carta Peratusan Soalan 2 | 66 |
| 5.3.3 : Carta Peratusan Soalan 3 | 67 |
| 5.3.4 : Carta Peratusan Soalan 4 | 69 |


FYP FTKW

| | |
|---|---|
| 5.3.5 : Carta Peratusan Soalan 5 | 70 |
| 5.3.6 : Carta Peratusan Soalan 6 | 71 |
| 5.3.7 : Carta Peratusan Soalan 7 | 73 |
| 5.3.8 : Carta Peratusan Soalan 8 | 74 |
| 5.3.9 : Carta Peratusan Soalan 9 | 76 |
| 5.3.10 : Carta Peratusan Soalan 10 | 77 |
| 5.3.11 : Carta Peratusan Soalan 11 | 78 |
| 5.4.1 : Carta Peratusan Soalan 1 | 80 |


FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

## ABSTRAK

Kelantan merupakan tempat lahirnya batik, bermula daripada batik pukul, batik tekap sehinggalah batik yang menggunakan lilin. Keindahan sesebuah batik dipengaruhi oleh rekaan corak yang berunsurkan pelbagai motif contohnya motif flora, motif fauna atau motif geometri. Namun, batik bermotifkan unsur fauna kurang diketengahkah ekoran terdapat perbezaan pandangan agamawan mengenai penggunaanya pada pakaian. Kajian ini dijalankan bertujuan mengaplikasikan penggunaan motif fauna dalam rekaan corak pada batik, kerana motif ini jarang digunakan. Kaftan menjadi pilihan pengkaji adalah kerana kaftan masih ramai pembeli dan ianya popular. Contohnya, kaftan dipakai oleh umat Islam pada bulan Ramadhan atau Perayaan Aidil Fitri. Pakaiannya juga sederhana tetapi kelihatan mewah. Oleh yang demikian, penyelidikan ini mengfokuskan kajian tehadap penggunaan motif fauna dalam rekaan corak pada kaftan menggunakan kaedah batik canting. Kaedah canting ini lebih baik kerana corak yang dihasilkan tampak ekslusif dan sukar berlaku peniruan. Kaedah kualitatif akan digunakan untuk melengkapkan kajian ini melalui eksperimentasi rekacorak pada pakaian kaftan serta mendapatkan maklum balas dari responden sebelum dibuat secara banyak (mass pro). Adalah diharapkan agar aplikasi motif fauna dalam rekaan corak pada kaftan menggunakan kaedah batik canting dapat meningkatkan jualan peniaga batik di Kelantan.

***Kata kunci:*** *Batik Canting, Kaftan, Motif Fauna, Rekaan Corak*

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

# ABSTRACT

Kelantan is the birthplace of batik, starting from batik pukul, batik tekap to batik that uses candles. The beauty of a batik is influenced by the pattern design that has various motifs such as flora motifs, fauna motifs or geometric motifs. However, batik with a fauna element is less prominent due to the differences in religious views on its use on clothing. This study was conducted to apply the use of fauna motifs in pattern design on batik, because this motif is rarely used. Kaftan is the researcher's choice because kaftan still has many buyers and it is popular. For example, kaftan is worn by Muslims during the month of Ramadan or Aidil Fitri. This dress is also simple but looks luxurious. Therefore, this research focuses on the study of the use of fauna motifs in pattern design on kaftans using batik canting method. This method of canting is better because the pattern produced looks exclusive and difficult to imitate. Qualitative methods will be used to complete this study through experimental design on kaftan clothing as well as obtain feedback from respondents before making a lot (mass pro). It is hoped that the application of fauna motifs in pattern design on kaftan using batik canting method can increase the sales of batik traders in Kelantan.

*Keywords: Batik Canting, Kaftan, Fauna Motif, Pattern Design*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.0 PENGENALAN

Batik merupakan satu bidang kraftangan yang unggul di Malaysia khususnya di Kelantan sejak dahulu lagi. Keistimewaannya tidak dapat disangkal lagi apabila batik digunakan secara meluas sebagai pakaian rasmi para penjawat awam, pakaian untuk majlis keramaian atau majlis formal. Selain dibuat pakaian, batik juga sering dijadikan barangan perhiasan rumah seperti cadar serta barang perhiasan diri contohnya rantai leher dan skaf.

Dalam penghasilan sesebuah rekaan corak pada kain batik, motif iaitu corak hiasan pada kain merupakan sesuatu perkara yang sangat dititikberatkan dalam menjadikan sesebuah rekaan itu tampak kemas dan menarik. Antara motif yang sinonim dengan penghasilan batik ialah motif flora, fauna dan geometri. Namun begitu, motif fauna iaitu motif yang diambil daripada haiwan atau serangga kurang diketengahkan oleh pembuat batik. Kebanyakan mereka hanya menggunakan motif flora dan motif geometri. Hal ini mungkin terjadi kerana tedapat percanggahan pendapat mengenai penggunaan motif fauna pada pakaian yang dikaitkan dengan larangan itjimak ulama Islam yang tidak membenarkan perkara itu dibuat. Namun, figura haiwan pada pakaian batik ditakrifkan makna berbeza-beza oleh sesiapa yang melihatnya. Persepsi pandangan agama mengenai penggunaan motif fauna adalah ‘*Adapun pakaian yang terdapat padanya gambar atau yang melalaikan, maka hukumnya makruh solat padanya’*. *(*Al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab, *3/180).* Ini membuktikan bahawa perlu dielakkan memakai pakaian yang



FYP FTKW

mempunyai gambar supaya dapat meraih khusyuk dalam solat. (Muftiwp.gov.my :2019). Adapun begitu, pakaian fauna yang telah digayakan sehingga tidak menyerupai makhluk bernyawa boleh digunakan (Republika.co.id: 23 september 2020). Kedudukan motif juga sangat penting supaya ianya tidak menjadi titik fokus sehingga mengganggu seseorang ketika solat.

Rekaan baju kaftan dipilih dalam kajian ini adalah kerana pakaian batik kaftan yang dijual dipasaran kebiasaannya dibuat menggunakan kaedah cetakan digital. Kelebihannya adalah, pencetakan batik digital hanya mengambil masa 5 minit untuk dihasilkan. Selain itu, motif batik dapat dibuat dengan lebih terperinci. Teknik ini umumnya digunakan oleh pengeluar batik untuk memenuhi pakaian dalam jumlah yang cukup besar, sehingga pengeluaran yang biasa dapat lebih ekonomik. (Zallatra: 28 november 2015). Namun demikian, rekacorak batik tersebut tidak unik dan berbeza kerana ia dibuat secara banyak (mass pro) dan kurangnya eksklusiviti. Ianya berbeza dengan batik canting yang coraknya tidak akan sama walaupun dibuat oleh orang yang sama. Disinilah letaknya keistimewaan batik canting.

Oleh sebab itu lah reka corak teknik batik canting akan dihasilkan pada baju kaftan. Ini kerana baju kaftan agak mudah dijahit dan boleh menggunakan motif flora, fauna atau motif geometri. Hal ini jelas menunjukkan bahawa kaedah batik canting pada baju kaftan yang berada di pasaran sangat kurang mempunyai corak atau motif yang berbeza kerana proses mencanting lebih sukar daripada teknik cetakan digital. Akan tetapi, batik canting mempunyai nilai keunikannya yang tersendiri, yang mana ianya sukar ditiru dan coraknya esklusif.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Aplikasi penggunaan motif fauna dalam rekaan corak pada kaftan menggunakan kaedah batik canting adalah usaha yang perlu diketengahkan bagi membuktikan motif fauna juga boleh dicanting pada batik dan sangat sesuai untuk dijadikan kaftan.

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Motif batik yang dihasilkan di Malaysia kini banyak diinspirasikan oleh alam semulajadi. Minat masyarakat terhadap alam menjadikan sesuatu motif itu terhasil untuk diaplikasikan sebagai rekaan corak pada batik. Pembuat batik berpendapat bahawa apa yang dilihat menarik dan mengandungi makna tersendiri boleh dijadikan corak. (Seni hbae3103: 6 Jun 2014). Di sini dapat disimpulkan bahawa, motif-motif yang terhasil pada batik menunjukkan penyatuan masyarakat tradisional dengan alam.

Namun begitu, di Malaysia, penggunaan motif fauna iaitu figura haiwan yang merangkumi haiwan laut, darat dan udara agak terhad digunakan pada pakaian seperti batik. Hal ini disebabkan oleh penggunaannya sering mendapat tentangan dari sudut ulama Islam.

Pada sudut agama Islam ini, terdapat dua pendapat yang berbeza daripada pandangan para ulama' iaitu mengharamkannya. *'Haram kepada lelaki dan perempuan memakai pakaian yang terdapat padanya gambar binatang'*. (Matalib Uli al-Nuha,1/353). Lelaki dan wanita disyorkan supaya tidak memakai pakaian yang mempunyai gambar ketika solat untuk meraih khusyuk dalam solat. (Muftiwp.gov.my :2019). Hal ini kerana, unsur-unsur figura seperti harimau, singa, gajah dan sebagainya dikhuatiri mempunyai unsur yang tidak diingini seperti untuk pemujaan. (Seni hbae3103: 6 jun 2014).



FYP FTKW

Seterusnya, pendapat yang memakruhkannya. *'Solat tidak akan batal disebabkan pakaian yang dipakainya mempunyai gambar kerana Nabi SAW tidak memutuskan solat tersebut dan juga tidak mengulanginya'.* (Al-Hafiz Ibn Hajar, *Fath al-Bari* 1/484). Bukan itu sahaja, pemakaian pakaian yang mempunyai corak, tulisan atau bentuk yang menarik adalah makruh ketika solat. Ia dikhuatiri akan melalaikan jemaah yang solat dibelakang si pemakai yang akan menyebabkan hilang tumpuan. (Dato'Seri Mufti,2019).

Secara keseluruhannya sebarang pakaian yang mempunyai gambar tulisan atau logo dan dibawa solat adalah makruh kerana dikuatiri menganggu makmun yang lain. Tetapi bagi pakaian diluar solat pula, diharuskan memakai pakaian yang mempunyai gambar tidak mempunyai roh dan nyawa. (Harian Metro, 15 September 2015).

Oleh hal yang demikian, bagi mengelakkan percanggahan pendapat, rekaan corak bermotifkan fauna pada batik perlu digayakan dengan cara menggayakan (stylized) motif fauna tersebut sehingga tidak kelihatan sama sepenuhnya dengan makhluk bernyawa seperti pepatung. Sebagai contohnya, pengkaji akan mengambil sebahagian daripada elemen pada motif binatang atau serangga seperti bentuknya namun tidak meniru secara terperinci bahagian-bahagian lain seperti serangga yang asal. Ini kerana agama Islam melarang penghasilan karya yang menyerupai (sama sepenuhnya) dengan ciptaan Allah SWT. (Seni hbae3103: 6 Jun 2014). Melalui penggunaan elemen bentuk, motif fauna masih dapat diketengahkan tanpa bercanggah dengan kehendak Islam.

Jika dilihat pada hari ini, batik dijadikan pelbagai pakaian dengan pelbagai gaya yang berbeza. Dalam penyelidikan ini pula, baju kaftan moden dipilih sebagai kajian. Baju kaftan membawa maksud sejenis pakaian yang berpotongan longgar dan panjang. (Nabila Cahya Haqi,2019). Di Malaysia kaftan lebih dikenali dengan *baju kelawar*. Pemakaiannya



FYP FTKW

sangat sinonim dengan wanita di rumah. Namun, pemakaian kaftan kini lebih dimodenkan dengan tampil berpotongan pendek serta mempunyai aksesori tambahan. Justeru itu, kaftan moden sesuai untuk ke acara formal, untuk bekerja atau gaya tidak formal dengan rekaan yang lebih menarik.

Pemilihan baju kaftan ini juga adalah kerana corak baju kaftan yang dijual dipasaran biasanya menggunakan batik blok atau menggunakan teknologi moden seperti cetakan digital berbanding menggunakan batik canting. Hal ini kerana pembuatan batik canting perlu melalui beberapa proses yang agak lama sebelum disiapkan. Antaranya ialah, proses melukis menggunakan canting, mewarna dengan berus, rendaman, rebus dan pengeringan. Bukan itu sahaja, batik cop hanya mempunyai motif yang terbatas dan ada kalanya membosankan. (Media Permata, 13 oktober 2018).

Hal ini jelas menunjukkan bahawa batik cop ini terhad penggunaanya dan pembatik tidak dapat kebebasan untuk berkarya dengan lebih luas. Oleh sebab itu, proses mencanting pada batik kaftan perlu dipopularkan agar nilai batik dapat dipertingkatkan.

## 1.2 Pernyataan Masalah

1.2.1 Motif fauna dilarang oleh Islam untuk digayakan pada pakaian.

1.2.2 Kaedah batik digital tidak mempunyai keunikan dan tidak ekslusif berbanding batik canting.



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.2.3 Gaya kaftan sering digunakan sebagai baju tidur dan tidak banyak digunakan pada jenis pakaian lain.

FYP FTKW

## 1.3 Persoalan Kajian

1.3.1 Bagaimanakah motif fauna dapat diolah agar iainya dapat digayakan pada pakaian?

1.3.2 Bagaimanakan kaedah batik canting dapat menjadi lebih ekslusif daripada batik digital?

1.3.3 Apakah gaya kaftan selain daripada baju tidur?

## 1.4 Istilah di dalam penyelidikan

Terdapat empat istilah pada kata kunci yang digunakan dalam penyelidikan ini. Antaranya ialah motif fauna, rekaan corak, kaftan, batik canting.

1.4.1 Motif fauna

Motif fauna membawa maksud motif yang melibatkan haiwan atau serangga. Tetapi dalam istilah pembuatan batik, motif fauna bagi batik canting terdiri daripada haiwan-haiwan kecik seperti unggas dan serangga. Penggunaan motif fauna pada batik menggambarkan hubungan antara masyarakat tradisional dengan persekitaran.

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### 1.4.2 Rekaan corak

Rekaan corak adalah suatu susunan motif yang dipilih menjadi bentuk rekaan seperti corak ulang sekata, corak berpusat dan corak berselang- seli. Bukan itu sahaja, rekaan corak juga terbahagi kepada dua iaitu corak terancang, corak tidak terancang dan juga corak tradisional bergantung pada teknik tertentu (Kementerian Pelajaran Malaysia,2002).

### 1.4.3 Kaftan

Kaftan merujuk kepada baju longgar dan labuh (Kamus Dewan Bahasa Keempat). Di Malaysia ia sering disebut sebagai baju kelawar yang dipakai pada waktu malam. Tetapi peredaran zaman menjadikan evolusi baju kaftan telah dimodenkan menjadikan kaftan sesuai dipakai untuk majlis formal atau tidak formal.

### 1.4.4 Batik canting

Batik canting adalah teknik pembuatan batik menggunakan canting yang perlu diletakkan cairan lilin sebagai alat utama. Ukuran canting yang berbeza-beza membolehkan pembuat batik menggunakannya untuk membuat pelbagai corak yang menarik. Beza batik canting dengan batik blok atau batik cap adalah teknik pembuatannya yang berlainan dan hasil dari proses tersebut juga berbeza kualitinya.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 1.5 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif penyelidikan yang dianalisis oleh pengkaji, antaranya ialah

1.5.1 Menghasilkan batik dengan gaya motif fauna yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam.

1.5.2 Memperkenalkan bentuk dan gaya motif fauna canting yang lebih menarik daripada batik digital.

1.5.3 Menghasilkan pelbagai gaya batik kaftan yang boleh digunakan untuk pelbagai acara.

## 1.6 Manfaat Kajian

1.6.1 Kajian ini akan membuka mata masyarakat tentang ketidak fahaman mengenai larangan Islam dalam penggunaan motif fauna pada pakaian. Masyarakat akan lebih memahami bagaimana sesuatu motif fauna itu boleh diaplikasikan pada pakaian dengan cara yang berbeza contohnya mengambil sebahagian elemen sahaja pada badan serangga atau binatang tersebut untuk menjadikannya corak.

1.6.2 Kajian ini juga akan meningkatkan penggunaan batik canting yang dianggap rumit dan memakan masa itu dengan cara mencipta corak yang lebih mudah tetapi menarik pada batik tersebut. Dengan cara tersebut, nilai



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

dan harga batik canting akan lebih tinggi berbanding kaedah yang lain. Ini dilihat mampu meningkatkan pendapatan pembuat batik di masa akan datang.

### 1.7 Susunan Kajian




Jadual 1.7: Susunan Kajian



FYP FTKW

FYP FTKW

# BAB 2

# KAJIAN LITERATUR

## 2.0 Pandangan Islam terhadap motif

Motif fauna pada pakaian sememangnya banyak ditegah dalam agama Islam, namun penggunaannya tidak menjadi haram jika tidak disalahguna. Menurut Imam Nawawi dalam *Syarah Shahih Muslim*, kalangan ulama berpendapat bahawa menggambarkan sesuatu yang bernyawa adalah diharamkan dan merupakan pekerjaan yang menimbulkan kencaman keras daripada Rasulullah saw. Namun, menggambarkan makhluk bernyawa pada pakaian, kain dan sebagainya dengan tujuan tidak memuliakan gambar tersebut, hukumnya tidak haram. (Abu Hudzaifah Ibrahim, 1997). Ini menunjukkan penggunaan motif fauna pada pakaian perlulah difahami dengan jelas. Jika gambar fauna tersebut itu kecil, hukumnya tetap haram tetapi dimaafkan pada syara' kerana darurat dengan syarat bukan untuk menunjuk-nunjuk. Dan adalah lebih baik jika memakai pakaian lain jika ada. (Ahli Panel Majlis Ulama ISMA: 20 mac 2010).

## 2.1 Fauna yang ingin diketengahkan






Rajah 2.1: Fauna Pepatung yang Ingin Diketengahkan Pengkaji
(Sumber: Pinterest)

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pepatung adalah sejenis kumpulan serangga yang dikelaskan dibawah Order Odonata. Ia merupakan spesies yang mempunyai dua mata kompaun yang besar, badan yang kurus dan dua pasang sayap bermembran. (Chee Yen Choong,2018). Pepatung juga dikenali dengan pelbagai nama iaitu Dragonfly, Damselfy (English), Patung-patung, sibur-sibur, Sesibur (Malaysia) dan Capung (Indonesia). (Animhosnam,2018).

Serangga ini mempunyai kenunikan yang tersendiri pada dirinya iaitu selain mempunyai mata besar dengan 360 darjah yang kompleks, menurut para saintis, kelajuan terbang serangga ini sehingga 60 batu sejam atau 97 km sejam yang dibantu oleh kepaknya untuk terbang dengan pantas. (Animhosnam,2018). Kelebihannya juga ia mampu untuk terbang kedepan dan kebelakang. (Syazuani,2014).

Selain daripada itu, warna yang terdapat pada kedua belah kepaknya sangat menarik dan unik. Contohnya, Pepatung jarum (*Damselffly*), kombinasi warna yang terdapat padanya adalah seperti ungu, merah, hijau atau kuning. Manakala, bagi pepatung naga (*Dragonfly*), warna merah, ungu dan biru yang cantik menjadikan musuhnya seperti labah-labah dan cicak senang untuk menjejaki. (Animhosnam,2018).

Kesemua keunikan seperti bentuk badan dan warna sayap pepatung yang menarik itu membuatkan pengkaji ingin mengenengahkan motif fauna ini pada batik kaftan. Ini kerana, motif fauna yang sering digunakan di Malaysia kebanyakan bersumberkan haiwan laut, udara dan darat seperti ikan, burung dan ayam. Malah ianya hanya terhad kepada kain kurung sahaja. (Kainklasik,2013). Perkara ini sekaligus mengukuhkan lagi alasan pengkaji untuk menggunakan motif pepatung ini pada batik kaftan.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

## 2.2 Kaftan digemari di Malaysia

Kaftan digemari di Malaysia adalah kerana kaftan moden kini telah berlaku inovasi iaitu daripada kaftan kosong kepada kaftan yang diperincikan dengan manik pada bahagian tertentu badan serta lengan. (Nabila Cahya Haqi,2019). Selain itu, warna-warna kaftan terang yang dihasilkan dapat menjadikannya sebagai pilihan masyarakat di Malaysia. (Kompas.com,2012). Selain itu, baju kaftan menepati citarasa masyarakat Malaysia kerana ia berpotongan longgar, labuh dan selesa. Tambahan pula, terdapat hiasan seperti ruffles dan pelbagai manik di dada. Ia menjadikannya sesuai dipakai oleh sesiapa sahaja tidak mengira umur bergantung kepada hiasan pada kaftan tersebut. (Chelin Indra Sushmita,2018).

Baju kaftan yang dulu dikenali dengan baju kelawar ini bukan sahaja sesuai dipakai di rumah atau sebagai baju tidur kerana bentuknya yang longgar. (Nabila Cahya Haqi,2019). Malah, kini baju kaftan sesuai untuk dibawa ke majlis formal atau tidak formal kerana ia selesa dan sesuai dengan iklim negara Malaysia. (Fiza,2012). Bukan itu sahaja, masyarakat Malaysia juga sering memakai kaftan untuk majlis perayaan seperti Aidil Fitri dan Aidil Adha kerana ia membuatkan si pemakai kelihatan mewah serta elegen. (Chelin Indra Sushmita,2018).

Oleh kerana baju kaftan moden mempunyai banyak jenis, masyarakat Malaysia boleh memilih kaftan mengikut kesesuaian. Contohnya, bagi mereka yang berbadan besar, mereka boleh kelihatan lebih langsing dengan memakai kaftan sederhana yang terdapat kerutan di bahagian dada. Bagi mereka yang pendek pula, mereka boleh memilih kaftan yang berbentuk keriput. (Chelin Indra Sushmita,2018). Melalui cara tersebutlah, rakyat Malaysia akan lebih gemar bergaya dengan memakai kaftan.



FYP FTKW

Baju kaftan digemari oleh masyarakat Malaysia juga kerana ia menepati syariat Islam untuk wanita muslim. (Nabila Cahya Haqi,2019). *"Wahai anak-anak dan cucu-cucu Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi kemaluan dan perhiasan untukmu. Tetapi pakaian ketakwaan, itu lebih baik. Itulah beberapa tanda kekuasaan Allah, saya harap mereka ingat."* (Surah Al-A'raf 7: Ayat 26). Surah ini jelas diperkatakan masyarakat yang beragama Islam wajib memakai pakaian yang longgar serta tidak mengikut bentuk tubuh. (Saad Saefullah,2020).

## 2.3 Pakaian yang digemari masyarakat Malaysia serta rekacorak atau warnanya

Pakaian adalah sesuatu kain yang berfungsi melindungi badan dari persekitaran. Setiap pakaian itu juga boleh membawa maksud sosial dan kebudayaan seseorang. Malah, masyarakat menggunakan pakaian sebagai perhiasan diri mereka. Kemunculan pelbagai jenis fesyen pakaian pada masa kini menjadikan masyarakat boleh membuat pilihan untuk memilih pakaian yang sesuai untuk mereka pakai.

Perubahan dalam gaya berpakaian masyarakat Malaysia telah banyak berlaku di alaf baru ini seperti bahagian tubuh si pemakai semakin terdedah. (Mohd Redzuan,2000). Jika dilihat pada hari ini, golongan muda sering memakai pakaian yang santai seperti seluar *jeans*, kemeja-T, kemeja atau baju kasual seperti *blouse* berbanding dengan memakai pakaian tradisional contohnya baju kurung bagi wanita dan baju melayu bagi lelaki. (Rokiah Ismail,2003). Ini kerana masyarakat lebih mementingkan keselesaan termasuklah pakaian yang dipakai tidak terlalu sarat dengan perician serta menggunakan fabrik yang ringan. (Sinar Harian,2021).



FYP FTKW

Dari segi warna dan rekacorak pakaian masyarakat masa kini pula, golongan muda lebih gemar memakai pakaian yang bercorak unik dan berwarna terang berbanding pada zaman dahulu dimana pakaian yang bercorak ringkas serta bewarna gelap menjadi pilihan masyarakat. (Mohd Redzuan,2000).

Warna-warna neon seperti kuning, merah jambu atau hijau terang semakin mendapat tempat dalam kalangan muda mudi sekarang. Ini kerana, penampilan seseorang itu akan terlihat lebih ranggi, muda, moden, stailo serta elegen. (Sinar Harian,2021).

Reka corak bintik bulat '*polkadot*' yang pelbagai saiz semakin mendapat tempat di mata masyarakat. Hal ini dibuktikan apabila pemerhati fesyen meramalkan trend ini menduduki carta teratas sebagai fesyen yang perlu ada dalam setiap produk fesyen seperti dress, kasut, beg tangan atau blouse. (Sinar Harian,2021).

## 2.4 Motif tradisional yang diangkat menjadi kajian moden

Motif batik telah mengalami perubahan mengikut peredaran zaman, motif tradisional yang dimodenkan termasuklah Motif Catan Batik Fatimah Chik. Motif ini adalah gabungan antara kaedah tradisional dan moden dengan cara mengaplikasikan teknik shiboritik (ikat celup) pada batik. Ini menunjukkan bahawa, pengaruh dari suku kaum kepulauan Sulawesi dan Sumba di Rantau Asia dan Nusantara disatukan. Buktinya, seni catan batik mula diangkat seiring dengan seni lukis moden Malaysia iaitu mengekalkan serba sedikit elemen tradisi dalam batik digabungkan dengan seni moden. (Wan Nurul Hassyati,2019).

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### 2.5 Perbandingan kajian

Jadual di bawah menunjukkan perbandingan kajian-kajian terdahulu. Dalam kajian terdahulu, pengkaji telah menjumpai 8 kajian terawal berkaitan dengan tajuk yang ingin dikaji.

| NAMA RUJUKAN | MOTIF FAUNA | KAFTAN | KAEDAH BATIK CANTING | KELANTAN |
|---|---|---|---|---|
| Rabiatuadawiyah Binti Mohd Kari, Mohd Azhar Samin, Rafeah Legino, Herwandi dan Handoko (2018) | ✓ | X | X | X |
| Aisyah Ratna Dewi, Heri Soeprayogi dan Sri Wiratma (2020) | ✓ | X | X | X |
| Dwi Wardoyo, Syakir dan Muh. Ibnan Syari (2019) | ✓ | X | ✓ | X |
| Siti Zarinah Sahib (2013) | X | ✓ | X | X |



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pegah dan Jahangiri (2017) | X | X | ✓ | X |
| Sabzali Musa Kahn, Syed AlwiSyed Abubakar dan Mina Hedayat (2008) | X | X | ✓ | X |
| Irfa'ina Rohana Salma, Dana Kurnia Syabana, Yudi Satria, dan Robets Cristianto (2018) | ✓ | X | ✓ | X |
| Yan Pamilih (2017) | X | ✓ | ✓ | X |
| Kajian yang dijalankan (2021) | ✓ | ✓ | ✓ | ✓ |

Jadual 2.5: Analisis Kajian Terdahulu
(Sumber: Kajian Tersendiri)

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Jadual 1 di atas merujuk kepada analisis kajian-kajian terdahulu yang telah dilakukan oleh pengkaji yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara kajian terdahulu yang telah dianalisis oleh pengkaji adalah daripada Rabiatuadawiyah Binti Mohd Kari, Mohd Azhar Samin, Rafeah Legino dan Herwandi, Handoko yang mengemukakan tentang pengaplikasian pelbagai jenis motif fauna tradisional dengan menggunakan batik blok ke atas tekstil. Mereka juga memfokuskan tentang pembuatan garis panduan untuk mengekalkan identiti tempatan ini bagi kegunaan pembatik, penyelidik dan rujukan universiti pada masa hadapan.

Kajian yang ditulis oleh Aisyah Ratna Dewi, Heri Soeprayogi dan Sri Wiratma pula mengisahkan tentang pemilihan warna dan komposisi yang sesuai pada karya sulam teknik sulam bebas dengan menggunakan motif fauna. Mereka juga mengkaji tentang kecenderungan mahasiswa memilih motif flora dalam membuat teknik sulaman berbanding menggunakan motif fauna. Selain itu, kajian ini juga menekankan pemilihan warna yang sesuai dalam membuat sulaman bagi memperlihatkan hasil sulaman yang sempurna dan tidak kelihatan kosong.

Seterusnya, dalam penulisan Dwi Wardoyo, Syakir dan Muh. Ibnan Syari menjelaskan tentang eksporasi motif batik kontemporari pada Rumah Batik Wardi menggunakan pelbagai motif termasuk motif fauna. Kajian ini juga menerangkan penggunaan motif fauna sebagai inspirasi untuk membuat corak dengan menggunakan kaedah canting pada tekstil.



FYP FTKW

Menurut kajian yang ditulis oleh Sabzali Musa Kahn, Syed AlwiSyed Abubakar dan Mina Hedayat pula, kebanyakannya berkisarkan tentang ulasan mengenai perkembangan batik Malaysia dari tahun 1950 hingga 1980-an. Kajian yang dilakukan oleh mereka juga memfokuskan tentang batik canting yang dianggap memiliki nilai seni yang tinggi bukan sahaja untuk membuat kain sarung malah boleh dipelbagaikan lagi penggunaanya.

Selain itu juga, Yan Pamilih membuat kajian terhadap aplikasi Motif Banji iaitu motif geometri yang digabungkan dengan bentuk Kawah Sileri. Kajian beliau memfokuskan tentang pembuatan motif tersebut keatas pakaian termasuklah kaftan dengan menggunakan kaedah canting. Hasilnya beliau dapat menghasilkan busana androgini yang mempunyai warna yang feminim. Manakala, Irfa'ina Rohana Salma, Dana Kurnia Syabana, Yudi Satria, dan Robets Cristianto pula memfokuskan kajian mereka dengan menggunakan motif fauna seperti motif gajah ke atas kain ikat tenun dengan teknik tenun ikat dan teknik batik dalam selembar kain.

Kajian-kajian terdahulu ini mempunyai sedikit persamaan dengan kajian yang dibuat oleh pengkaji sama ada dari segi pemilihan motif, jenis baju yang dihasilkan serta teknik pembuatan batik itu sendiri. Namun, kajian yang dibuat ini berbeza berbanding kajian-kajian lepas yang telah dikaji. Kajian-kajian lepas kebanyakan menggunakan kaedah batik cop untuk membuat motif fauna kerana mereka menggunakan sarang cop yang telah tersedia. Bukan itu sahaja, kajian lepas juga banyak mengaplikasikan motif fauna tetapi untuk produk selain baju kaftan contohnya batik sarung. Manakala, kajian ini pula,



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

menggabungkan kesemua kekurangan tersebut iaitu penggunaan kaedah canting untuk menghasilkan motif fauna pada baju kaftan.

FYP FTKW

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

# BAB 3

# METODOLOGI KAJIAN

## 3.0 REKA BENTUK KAJIAN

Kajian metodologi bermaksud suatu sistem yang menggunakan prinsip dan kaedah dalam sesuatu aktiviti atau kajian. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Maksud lain metodologi adalah kaedah, teknik, corak dan gaya. Metodologi menerangkan tentang cara mengaplikasikan kaedah yang digunakan bagi mengkaji sesuatu masalah serta dapat membuat huraian berkaitan proses kajian dengan lebih terperinci.

Kajian ini bertujuan untuk mengaplikasikan motif fauna dalam rekaan corak pada kaftan. Kaedah canting digunapakai sebagai medium utama untuk penghasilan corak pada batik tersebut bertujuan mempamerkan keunikan kaedah canting itu sendiri.

Sifat kajian ini adalah berbentuk kualitatif iaitu subjektif kerana data yang akan diperolehi adalah hasil daripada soal selidik,temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah kualitatif ini merupakan cara yang sangat releven untuk digunakan bersesuaian dengan tajuk kajian yang dikaji bagi mendapatkan maklumat yang tepat.

Method yang dipilih pengkaji bagi melengkapkan kajian ini adalah kajian kes (*Case study*). Ini kerana, kajian kes menghasilkan data kualitatif. Ia juga lebih memfokuskan kaedah penyelidikan yang dikhususkan untuk menyiasat individu, sekumpulan orang atau peristiwa. Melalui cara ini, pengkaji boleh menggunakan satu atau dua teknik penyelidikan iaitu soal selidik atau pemerhatian. Sebagai contoh, soal selidik akan memfokuskan pandangan masyarakat mengenai penggunaan motif fauna dan kaedah batik canting pada kaftan.



FYP FTKW

## 3.1 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian bertujuan untuk melimitasikan kajian yang dibuat agar tidak tersasar. Ini bagi memastikan bidang kajian yang ingin dikaji tidak terlalu luas dan hanya berfokuskan perkara yang penting sahaja.

### 3.1.1 Batasan Objek Kajian

Kajian ini dibuat untuk mengkaji aplikasi penggunaan motif fauna dalam rekaan corak pada kaftan menggunakan kaedah batik canting di Kelantan. Dalam kajian ini pengkaji telah memfokuskan motif fauna yang dibenarkan dalam agama Islam contohnya fauna yang digunakan tidak mempunyai bentuk yang lengkap sebagai rekaan corak. Pengkaji juga ingin menggunakan kaedah canting berbanding menggunakan kaedah digital bagi memastikan hasil batik itu lebih ekslusif serta unik. Penggunaan motif fauna dan kaedah canting ini akan diaplikasikan ke atas baju jenis kaftan moden. Pemilihan ini akan menonjolkan kelainan kerana gaya kaftan ini tidak dikhususkan untuk baju tidur sahaja, malah boleh diinovasi menjadi pakaian pejabat atau riadah.

### 3.1.2 Batasan Lokasi

Bagi menyempurnakan kajian ini, pengkaji telah menetapkan bahawa kajian ini memfokuskan kawasan Bachok, Kelantan. Ini adalah kerana, Bachok Kelantan mempunyai pusat pendidikan dan pentadbiran seperti Universiti Awam, Kolej Vakasional, Institut Kemahiran Tinggi Belia



FYP FTKW

Negara, Sekolah Pejabat Tanah, Pejabat Pentadbiran Daerah, Makhamah dan Pejabat Agama Islam. Kebanyakan agensi tersebut menyarankan kakitangan mereka memakai pakaian formal atau pakaian batik pada setiap minggu khususnya pada hari khamis. Bukan itu sahaja, pelajar juga boleh menghadiri kuliah dengan memakai baju kaftan kerana ia akan dibuat dengan gaya yang lebih moden. Oleh sebab itu, pakaian yang berunsur elemen batik akan mendapat permintaan tinggi di kawasan tersebut khususnya golongan wanita. Ini akan menjadikan produk akhir yang akan dihasilkan oleh pengkaji nanti iaitu baju kaftan menggunakan kaedah canting akan memenuhi kehendak mereka dan dapat dipasarkan dengan mudah.

### 3.1.3 Batasan Waktu

Tempoh kajian aplikasi penggunaan motif fauna dalam rekaan corak pada kaftan menggunakan kaedah batik canting di Kelantan ini adalah dalam tahun 2019-2021. Batas waktu ini dipilih adalah kerana, menurut pemerhatian pengkaji pada tahun tersebut, pemakaian baju formal berunsur batik masih lagi menjadi budaya agensi kerajaan mahupun swasta. Contohnya guru di sekolah. Walaupun kerajaan mewajibkan pemakaian batik dalam kepada kakitangannya sejak tahun 2008, perkara baik ini juga disambut baik oleh pekerja swasta. (Malaysiakini, 2019). Budaya ini masih diteruskan hingga kini, malah semakin mendapat sambutan meskipun harga



FYP FTKW

batik bergantung kepada jenis pakaian, teknik yang digunakan,corak dan jenis kain (Che Mustaffa Che Ibrahim,2019).

### 3.1.4 Batasan Umur

Sebuah servey akan dibuat di akhir kajian ini bagi melihat tahap penerimaan pengguna terhadap motif fauna. Maka sekelompok responden akan ditanya mengikuti batas umur mereka samaada pelajar atau sudah bekerja. Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada golongan wanita bekerjaya dan pelajar yang tinggal di Bachok, Kelantan. Kajian ini juga mensasarkan target kepada purata umur dalam lingkungan 20 tahun hingga 45 tahun. Hal ini kerana, gaya kaftan yang akan dibuat lebih kepada gaya moden dan mengikut trend terkini. Selain itu juga motif yang dihasilkan nanti akan mengikut citarasa golongan muda kerana mereka lebih bijak membuat kombinasi pakaian mengikut corak, warna dan tambahan aksesori. (Salmah Abdul Aziz,2018).

## 3.2 KAEDAH MENDAPATKAN DATA

Kaedah kajian berbentuk kualitatif digunakan pengkaji iaitu memerlukan pengkaji untuk mengumpulkan daripada sumber bertulis contohnya buku, tesis lepas atau jurnal. Bukan itu sahaja, pengkaji juga perlu mendapatkan pandangan orang ramai serta membuat pemerhatian di kawasan tersebut. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat memperolehi



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

maklumat meyeluruh bagi menyokong analisis kajian ini. Dua sumber kajian digunakan pengkaji iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer diperoleh melalui kaedah pemerhatian dan soal selidik manakala, sumber sekunder pula diperoleh melalui bahan rujukan daripada buku, tesis, internet, akhbar dan jurnal.

### 3.2.1 Data Soal Selidik

Kaedah yang pengkaji jalankan ialah kaedah soal selidik tertutup iaitu dengan memberikan soalan melalui *Google Form.* Setiap responden perlu menjawab soalan yang diberikan berpandukan jawapan-jawapan yang telah disediakan. Kaedah soal selidik tertutup ini akan memudahkan lagi pengkaji untuk menganalisi jawapan daripada responden. Sebagai contoh:

| No. | Soalan | Setuju | Tidak Setuju | Sangat tidak setuju |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Adakah anda tahu apakah yang dimaksudkan dengan fauna? | | | |

Jadual 3.2.1: Contoh Soalan Soal Selidik Secara Tertutup
(Sumber: Kajian Tersendiri)



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

### 3.2.2 Data Pemerhatian

Kaedah pemerhatian dibuat bertujuan untuk melihat motif yang terdapat pada pakaian batik yang sering dipakai oleh golongan wanita di Bachok,Kelantan. Selain itu, gaya terhadap sesuatu pakaian tersebut juga dilihat supaya dapat mengenalpasti bagaimana minat masyarakat terhadap sesuatu gaya yang dijadikan trend. Melalui cara ini, pengkaji akan mendapatkan maklumat serta idea untuk pengolahan produk yang bakal dihasilkan.

### 3.2.3 Data Temubual

Kaedah temubual akan dijalankan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang terperinci mengenai kajian yang dijalankan. Pengkaji akan menemubual pembuat batik dan pereka fesyen untuk mengetahui gaya dan motif batik yang mendapat permintaan tinggi pada masa kini. Melalui tembual dengan sumber yang tepat ini lah pengkaji boleh bertukar idea serta mendapatkan info yang diperlukan untuk melengkapkan kajian.

### 3.2.4 Data Internet

Pengkaji menggunakan kaedah internet untuk mencari info berkaitan kajian yang dijalankan. Maklumat yang diperoleh kebanyakan melalui laman web rasmi sesebuah syarikat berkaitan batik dan agama islam bagi



FYP FTKW

mengetahui maklumat tentang penggunaan motif fauna pada pakaian. Selain itu, pengkaji juga mencari kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh beberapa pengkaji lain untuk mendapatkan maklumat tambahan.

### 3.2.5 Data Perpustakaan

Kaedah perpustakaan juga digunakan pengkaji iaitu untuk mendapatkan maklumat melalui buku, majalah, jurnal, dan artikel. Bukan itu sahaja, pengkaji juga membuat pembacaan ilmiah tentang sejarah batik di Malaysia bagi memperoleh maklumat untuk dijadikan rujukan dalam kajian yang dijalankan.

FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

### 3.3 RUMUSAN KAJIAN




Jadual 3.3: Kerangka Proses Kajian

FYP FTKW

# BAB 4

# ANALISIS PEMBANGUNAN PRODUK

## 4.0 PROSES PERKEMBANGAN IDEA

Di dalam bab ini, pengkaji akan menunjukkan proses dari awal iaitu proses lakaran hinggalah ke proses akhir sehingga terhasilnya produk.

## 4.1 Subjek Kajian



Rajah 4.1: Subjek Kajian Pepatung

(Sumber: Pinterest)

Subjek utama kajian ini adalah mengenai inovasi reka corak melalui corak fauna iaitu pepatung. Corak yang dihasilkan diambil dari motif yang terdapat pada badan pepatung. Warna juga akan diinspirasikan dari warna pelbagai jenis pepatung yang terdapat di dunia ini.



FYP FTKW

### 4.1.1 Proses Melakar Subjek Kajian

i) Lukisan gambar pepatung yang sama



Rajah 4.1.1 (i): Lukisan Gambar Pepatung
(Sumber: Koleksi Sendiri)

Gambar pepatung dilukis menyerupai pepatung sebenar bertujuan untuk lebih memahami serta mengkaji corak yang ada pada setiap sudut badan pepatung iaitu pada badan, sayap dan ekor pepatung. Terdapat banyak bentuk yang berlainan pada seluruh badan pepatung yang boleh diambil untuk dijadikan motif pada batik.

ii) Lakaran proses menggayakan pepatung





Rajah 4.1.1 (ii): Lakaran Proses Menggayakan Pepatung
(Sumber: Koleksi Sendiri)



FYP FTKW
UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

FYP FTKW

Corak pada pepatung sebenar diambil dan diolah seperti bentuk bulat dan garisan bengkok untuk digayakan pada batik agar tidak sama sehingga menyalahi ajaran Islam.

iii) Lakaran rekaan pakaian



UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Rajah 4.1.1 (iii): Lakaran Rekaan Pakaian
(Sumber: Koleksi Sendiri)

Rajah 4.1.1(iii) menunjukkan beberapa rekaan pakaian yang direka oleh pengkaji yang banyak diinspirasikan daripada beberapa pereka fesyen luar

negara seperti Zara, Couture Candy dan ModeSens. Mereka menonjolkan pakaian ala kaftan yang dapat dijadikan contoh oleh pengkaji.

iv) Lakaran proses meletakkan motif pada pakaian



Rajah 4.1.1 (iv): Lakaran Proses Meletakkan Motif Pada Pakaian
(Sumber: Koleksi Sendiri)

FYP FTKW

FYP FTKW

Rajah 4.1.1(iv) menunjukkan lakaran rekaan yang dimasukkan motif pepatung. Tujuannya adalah untuk melihat susunan dan sama ada motif tersebut sesuai ataupun tidak untuk diaplikasikan ke atas rekaan yang bakal dihasilkan.

v) Lakaran akhir



Rajah 4.1.1 (v): Lakaran Akhir
(Sumber: Koleksi Sendiri)

Dalam rajah 4.1.1(v) menunjukkan lakaran akhir perletakan motif yang dibuat pada rekaan baju. Lakaran akhir ini diubahsuai dari segi saiz motif dan rekaan motif yang berlainan berbanding lakaran sebelum ini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

vi) Lakaran yang dipilih







Rajah 4.1.1 (vi): Lakaran yang Dipilih
(Sumber: Koleksi Sendiri)

Rajah 4.1.1 (vi) merupakan tiga lakaran akhir yang dipilih untuk dijadikan sebagai rekaan projek akhir. Pemilihan ini dipilih dari segi jenis design baju yang dihasilkan, perletakan motif yang sesuai dan warna yang dipilih. Ia memenuhi kriteria dan dipersetujui oleh penyelia sebagai tiga rekaan projek akhir yang akan dibuat.



FYP FTKW

**4.2** Proses Pembuatan Pola Baju



Rajah 4.2: Proses Pembuatan Pola Baju

(Sumber: Koleksi Sendiri)

Pengkaji membuat 3 pola yang menepati pemilihan lakaran yang telah dipilih. Proses pembuatan pola dibuat diatas kertas minyak dan kertas mahjung bersaiz besar. Pola dibuat mengikut dua saiz *standard* iaitu saiz *small* (S) dan *medium* (M). pemilihan saiz ditentukan mengikut rekaan baju yang akan dihasilkan. Pembuatan pola terlebih dahulu ini dapat merancang anggaran penggunaan kain yang betul nanti.



FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**4.3** Pembuatan ‘toile’



Rajah 4.3: Pembuatan ‘Toile’
(Sumber: Koleksi Sendiri)

Dalam rajah 4.3 menunjukkan beberapa toile yang telah disiapkan dengan menggunakan kain calico. Tujuan toile dibuat adalah untuk memastikan tiada kesilapan pada kain sebenar. Pada toile ini lah sebarang perubahan dapat diperbetulkan dan boleh ditambahbaik.

FYP FTKW
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**4.4** Pembuatan batik

i) Proses melakar corak pada kain



Rajah 4.4 (i): Proses melakar corak pada kain
(Sumber: Koleksi Sendiri)

Rajah 4.4 (i) menunjukkan pengkaji melakukan proses melukis corak pada kain menggunakan pensil di atas *tracing table* yang dilengkapi lampu. Proses ini bertujuan bagi memastikan pengkaji dapat mencanting corak yang diingini dengan mudah berpandukan corak yang telah dilukis pada kain tersebut.

